

## Literasi Perundangan Media Baharu dalam Kalangan Belia

RUZIAN MARKOM  
ZINATUL ASHIQIN ZAINOL  
NURHIDAYAH AHMAD FUAD  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Fungsi utama kewujudan suatu undang-undang ialah untuk menjamin kesejahteraan diri, masyarakat serta sesebuah negara. Dalam skop penggunaan internet, terdapat lima undang-undang yang mengawalinya seperti Akta Tandatangan Digital 1997, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Akta Fitnah 1957. Perundangan media baharu ini bertujuan mengawal segala jenis penyalahgunaan media sosial yang dilihat semakin berleluasa akhir-akhir ini. Justeru, kajian ini bertujuan mengetahui tahap kefahaman dan kesedaran golongan belia mengenai perundangan media baharu. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan data kajian yang berkualiti. Dalam kajian ini, responden terbahagi kepada dua kumpulan, yang pertama terdiri daripada kalangan belia, majoritinya belia di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebanyak 227 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden kumpulan pertama ini. Manakala, bagi responden kumpulan kedua ialah mahasiswa dan mahasiswi di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak. Seramai 80 responden yang terlibat menjadikan jumlah keseluruhan responden dalam kajian ini ialah 307 responden. Hasil kajian mendapati majoriti belia mempunyai pengetahuan yang baik mengenai konsep media baharu. Selain itu juga, majoriti responden iaitu golongan belia juga menyedari serta memahami undang-undang berkaitan media baharu secara umum sahaja. Sungguhpun begitu, apabila menyebut beberapa jenis atau nama undang-undang berkaitan media baharu, majoriti responden masih berada pada tahap literasi perundangan yang sederhana.

**Katakunci:** *Undang-undang siber, media baharu, media sosial, literasi perundangan, belia.*

## Legal Literacy of New Media Legislations Among Youths

### ABSTRACT

The primary function of the existence of a law is to ensure the well-being of the community and the nation. In the scope of internet usage, the five important governing laws are Digital Signature Act 1997, Computer Crime Act 1997, Communications and Multimedia Act 1998, Personal Data Protection Act 2010 and Defamation Act 1957. The new media legislation aims to control the abuse of social media that has been seen increasing lately. Hence, this study aims to find out the level of understanding and awareness of youth on new media legislation. In terms of methodology, this study uses quantitative approaches to obtain quality research data. In this study, the respondents were divided into two groups, the first consisting of youth, the majority of youth in Universiti Kebangsaan Malaysia. A total of 227 sets of questionnaires have been distributed to respondents of this first group. Meanwhile, the second group respondents are students at Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak. A total of 80 respondents were involved in this second group, bringing the total number of respondents in this study to 307 respondents. The findings show that the majority of youths have good knowledge of the new media concept. In addition, the majority of respondents, youths, are

also aware of and understand the new media-related laws in general. However, when mentioning some types or legal names regarding the new media and its provisions, the majority of respondents are still at a moderate level of legal literacy.

**Keywords:** *Cyber law, new media, social media, legal literacy, youth.*

## PENGENALAN

Ledakan maklumat memberi kesan kepada penggunaan media baharu oleh belia. Belia sebagai pendukung wawasan negara memainkan peranan yang penting dalam memperoleh maklumat yang berwibawa. Kerangka perundangan dan institusi media baharu yang komprehensif memudahkan kawalan terhadap penggunaan media baharu. Lenhart et al. (2010) mendapati bahawa belia merupakan pengguna media rangkaian sosial yang prolifik dan mereka meluangkan masa yang lama untuk berinteraksi melalui media baharu. Survei Pengguna Internet 2018 oleh SKMM menunjukkan 26.1 % pengguna internet untuk tujuan pendidikan adalah mahasiswa (SKMM, 2018). Mahasiswa dan media baharu tidak dapat dipisahkan dalam merealisasikan Pendidikan 4.0. Media baharu merupakan platform pendidikan yang unik dan fleksibel dalam penyampaian ilmu yang berkesan. Walau bagaimanapun, penggunaan media baharu dalam kalangan mahasiswa perlu dikawal untuk mengelakkan ancaman siber. Media baharu memainkan peranan penting kepada golongan belia. Ali Salman dan Siti Minanda (2017) mendapati bahawa belia sangat aktif dalam penggunaan *Facebook*, maka kajian ini dijalankan untuk menilai tahap literasi perundangan media baharu dalam kalangan belia khususnya mahasiswa. Artikel ini bertujuan membincangkan tahap literasi perundangan media baharu dalam kalangan belia. Tumpuan diberikan kepada lima Akta utama iaitu Akta Tandatanganan Digital 1997, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, dan Akta Fitnah 1957.

## KAJIAN LITERATUR

Secara umumnya, media baharu memainkan peranan penting sebagai medium pembelajaran kepada mahasiswa. Hal ini telah dibuktikan melalui kajian oleh Kee Man Chuah (2013) yang bertajuk 'Aplikasi Media Sosial Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris: Persepsi Pelajar Universiti'. Kajian tersebut mendapati bahawa penuntut universiti mengakui keberkesanan aplikasi media sosial dalam pembelajaran mereka sama ada dalam aspek penulisan, kemahiran bertutur, pembelajaran tatabahasa dan perkataan, definisi perkataan dan sebagainya melalui aplikasi *Wiki, YouTube, Facebook* dan *Twitter*.

Selain itu, media baharu juga menyumbang manfaat sebagai medium dakwah dalam kalangan mahasiswa. Kajian Faradillah Iqmar et al. (2015) menunjukkan bahawa media sosial telah mempengaruhi tahap penerimaan mesej dakwah berasaskan ciri-ciri interaktif yang dimiliki oleh media tersebut. Justeru, impak media baharu ini secara tidak langsung mempromosi pemahaman antara agama. Dapatan kajian Azarudin Awang (2015) secara tuntas menjelaskan media baharu berperanan dalam meningkatkan bilangan konversi saudara baru di Terengganu.

Tidak dinafikan media sosial ini juga memberi impak yang positif dalam aspek sosial. Faradillah dan Iza (2011) menegaskan bahawa penggunaan media baharu dalam kalangan mahasiswa signifikan dengan kepuasan yang diperoleh seperti kepuasan untuk mengelakkan kesunyian, mencari hiburan dan maklumat, mengeratkan hubungan dan permainan dalam

talian. Dapatan ini telah diperkukuhkan Siti Ezaleila (2016) yang menyatakan bahawa kegiatan utama penggunaan laman sosial ialah pembentukan persahabatan melalui profil sama ada melalui *Facebook*, status terkini daripada *Twitter*, dan sebagainya. Che Su dan Nan Zakiah (2014) dalam kajian mereka juga turut menyenaraikan beberapa kegunaan lain Facebook sebagai medium mengimbas kembali kenangan atau peristiwa lalu, enggan ketinggalan dalam teknologi, merapatkan silaturrahim, tujuan pendidikan, mengurangkan tekanan seharian di samping dijadikan sumber memperoleh maklumat serta sebagai bahan hiburan.

Sebaliknya, media baharu memberi implikasi negatif kepada mahasiswa jika tidak terkawal. Pencerobohan data pelajar UiTM termasuk rekod terperinci pelajar dari kampus utama UiTM di Shah Alam dan 13 kampus cawangan di seluruh negara yang melibatkan maklumat peribadi seperti ID pelajar, nama pelajar, nombor kad pengenalan, alamat, emel, kod di kampus, nama kampus, kod program, tahap kursus dan juga nombor telefon bimbit (Mohd Hafiz Ismail, 2019). Muhammad Adnan Pitchan dan Siti Zobidah Omar (2019) pula menyenaraikan ancaman siber seperti buli siber, mangsa penipuan dalam talian dan maklumat peribadi diceroboh.

Kajian ini adalah berbeza dengan kajian lepas kerana ia menumpukan kepada literasi perundangan dalam kalangan belia merujuk kepada lima Akta yang utama iaitu Akta Tandatanganan Digital 1997, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, dan Akta Fitnah 1957.

#### METODOLOGI

Kaedah kuantitatif adalah sesuai untuk mengkaji penyelidikan berkaitan literasi (Mirhosseini, 2017). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan data. Memandangkan kajian ini memfokuskan kepada golongan mahasiswa, maka set soal selidik telah diedarkan kepada dua kumpulan, iaitu responden dalam kalangan belia, majoritinya belia di Universiti Kebangsaan Malaysia dan kumpulan kedua terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak. Pembahagian ini dibuat untuk melihat secara lebih jelas adakah hubungan antara umur, peringkat pengajian dan beberapa aspek lain mempengaruhi literasi perundangan media baharu dalam kalangan belia.

Bagi proses ini, pengkaji telah mengedarkan 227 soal selidik kepada kumpulan pertama iaitu responden dalam kalangan belia, majoritinya belia di Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala, bagi responden kumpulan kedua iaitu mahasiswa di Politeknik Ungku Omar, seramai 80 responden yang terlibat menjadikan jumlah keseluruhan responden dalam kajian ini ialah 307 responden.

#### DEFINISI MEDIA BAHARU

Menurut Siti dan Azizah (2011), media baharu ialah media hasil gabungan teknologi komputer dan maklumat, rangkaian komunikasi, dan kandungan media digital. Oleh yang demikian, maklumat yang terhasil jelas berbeza daripada media sedia ada seperti pada zaman percetakan dan penyiaran kerana media baharu mempunyai beberapa ciri yang tidak dimiliki oleh media sedia ada yang lain iaitu ciri konvergensi, rangkaian digital, capaian global, interaktiviti, dan komunikasi ramai kepada ramai. Selain itu, media baharu juga turut

menggabungkan semua elemen komunikasi yang penting iaitu lisan, tulisan, visual, data, dan bunyi.

Pada zaman kini, media baharu dilihat lebih menonjol berbanding media tradisional atau media lama seperti media cetak, media elektronik, media siaran, dan media interpersonal yang lain. Secara umumnya, bukan sahaja belia, malahan semua peringkat lapisan masyarakat seperti pelajar, suri rumah, para pekerja sektor awam mahupun swasta telah menggunakan laman web rangkaian sosial ini untuk pelbagai tujuan, sama ada untuk meningkatkan rangkaian perniagaan mahupun rangkaian individu (Faradillah & Iza, 2011). Manakala, menurut Van Dijk (2006), media baharu ini telah mencetuskan bentuk komunikasi yang baharu dengan menggabungkan komunikasi massa dengan komunikasi interpersonal sehingga wujudnya interaktiviti baharu seperti kumpulan sembang, kumpulan maya di tempat kerja, dan komuniti dalam talian.

### KONSEP LITERASI PERUNDANGAN

Literasi mempunyai pelbagai definisi bergantung kepada skop yang dibincangkan, seperti literasi media, literasi awal bagi kanak-kanak, literasi kesihatan, literasi kewangan dan sebagainya. Kajian ini fokus kepada literasi perundangan media baharu. Memandangkan terdapat kelompongan dalam kajian lepas yang menyentuh serta menghurai mengenai literasi perundangan, maka pengertian istilah literasi yang lain dirujuk agar satu pengertian dan pemahaman mengenai literasi perundangan dapat disimpulkan. Antara skop literasi yang dirujuk ialah literasi kewangan dan literasi kesihatan.

Literasi kewangan menurut Yasmin dan Anuar (2017), bermaksud kebolehan untuk menguruskan sesuatu yang berkaitan dengan wang. Manakala, menurut Garman dan Gappinger (2008) dalam Noor Azizah et al. (2013), literasi kewangan membawa maksud pengetahuan, prinsip, konsep dan alat-alat teknologi asas yang membolehkan seseorang itu menjadi bijak berkenaan dengan kewangan. Selain itu, menurut Kim (2001), literasi kewangan adalah pengetahuan yang paling asas berkaitan dengan kewangan yang diperlukan oleh setiap individu untuk bertingkah laku dalam masyarakat kontemporari. Servon dan Kaestner (2008) pula memberikan definisi literasi kewangan sebagai satu keupayaan seseorang untuk memahami dan menggunakan konsep kewangan.

Manakala, literasi kesihatan pula boleh digambarkan sebagai keupayaan seseorang individu untuk mencari, memahami dan menggunakan maklumat yang berkaitan dengan kesihatan dalam kehidupan sehariannya (Mohammad et al., 2016). Sementara itu, menurut Sorenson et al. (2012), literasi kesihatan melibatkan proses yang terdiri daripada pencarian maklumat, memahami maklumat, menilai dan mengamalkan maklumat kesihatan tersebut. Selain itu, kemahiran peribadi, kognitif, dan sosial yang menentukan keupayaan individu untuk mendapatkan maklumat dan menggunakan maklumat tersebut untuk mengekalkan tahap kesihatan yang baik juga turut diistilahkan sebagai literasi kesihatan (Nutbeam, 2000). Hal ini turut disokong oleh World Health Organization (Kickbusch, Pelikan, Apfel & Tsouros, 2013). Literasi kesihatan menurut organisasi tersebut ialah kemahiran kognitif dan sosial yang menentukan pembangunan motivasi dan keupayaan individu untuk memahami dan menggunakan maklumat dalam usaha untuk meningkatkan kesihatan sendiri.

Berdasarkan maksud literasi secara umum serta rujukan kepada istilah literasi kewangan dan literasi kesihatan, dapat disimpulkan bahawa literasi perundangan merujuk keupayaan individu untuk memahami dan menggunakan konsep perundangan. Ini

melibatkan proses pencarian maklumat, memahami maklumat, menilai dan mengamalkan maklumat perundangan tersebut dalam kehidupan seharian. Dalam erti kata yang lain, literasi perundangan ialah pengetahuan dan kesedaran masyarakat khususnya belia berkaitan dengan undang-undang sama ada secara umum ataupun mendalam.

#### PENYALAHGUNAAN MEDIA BAHARU DALAM KALANGAN BELIA

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) merupakan antara salah satu pihak berkuasa yang mempunyai kaitan dan bidang kuasa terhadap kes-kes atau aduan berkaitan penyalahgunaan media baharu. Dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2012 sehingga 2016, sebanyak 456 kes berkaitan penyalahgunaan media baharu telah disiasat oleh suruhanjaya tersebut. Kes penyalahgunaan media baharu tersebut merangkumi beberapa medium seperti laman sesawang, laman sosial, blog dan juga emel (SKMM, 2017).

Pada tahun 2017, secara umumnya statistik oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menunjukkan bahawa sebanyak 2,906 kes atau aduan telah diterima oleh suruhanjaya tersebut berkaitan penyalahgunaan media baharu dari Januari 2017 sehingga Jun 2017. Daripada keseluruhan kes tersebut, sebanyak 2,629 kes telah diambil tindakan berbentuk panduan dan nasihat di bawah kendalian pihak Biro Aduan. Manakala, baki 277 kes dikenakan tindakan lanjutan (SKMM, 2017).

Kes-kes yang diambil tindakan lanjutan tersebut terdiri daripada pelbagai bentuk kesalahan penyalahgunaan media sosial. Antaranya ialah aduan berkaitan kebencian terhadap pemimpin, fitnah/sivil, penyebaran maklumat/gambar peribadi (khidmat seks), berita palsu, akaun/laman palsu (penyalahgunaan identiti) dan sebagainya (SKMM, 2017).

#### *Memuat Turun Bahan dari Internet Bertentangan Dengan Akta Hak Cipta 1967*

Antara contoh penyalahgunaan media sosial dalam kalangan belia ialah memuat turun bahan dari internet seperti muzik dan filem yang jelas bertentangan dengan akta hak cipta sepertimana yang dikaji oleh Mohd Hamdan dan Ong Siew Chin (2015). Berdasarkan kajian tersebut, kegiatan ini dilakukan disebabkan faktor keupayaan dan kebolehan pelajar, umumnya golongan belia dalam menggunakan teknologi untuk memuat turun. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa belia masih meneruskan kegiatan tersebut walaupun menyedari aktiviti ini bertentangan dengan undang-undang yang ditetapkan disebabkan mudah dan percuma untuk diakses.

Selain memuat turun muzik dan filem, belia juga secara tidak terkecuali untuk memuat turun karya sastera yang juga merupakan antara karya yang dilindungi di bawah akta hak cipta. Hasil kajian Chidi Deborah Isiakpona (2012) jelas menunjukkan kebanyakan pelajar IPT membuat salinan atau fotokopi ke atas buku-buku yang sama sekali bertentangan dengan undang-undang hak cipta. Berdasarkan kajian tersebut, perbuatan tersebut dilakukan atas beberapa faktor seperti kos membeli buku yang tinggi, tiada ketersediaan buku tersebut atau tidak cukup dalam pasaran.

Selain kesalahan tersebut, berlaku peningkatan aduan kes media baharu berkaitan kandungan lucah, sumbang, palsu, mengancam dan jelek yang melibatkan golongan belia. Menurut mantan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari, purata belia di Malaysia mempunyai empat akaun media sosial dan menghabiskan selama empat jam sehari untuk melayari media sosial. Ini mengalahkan trend masyarakat dunia, iaitu

hanya dua jam sehari. Beliau juga berkata, belia di Malaysia yang berumur 15 hingga 40 tahun merupakan 77 peratus daripada lebih 24 juta pengguna internet di negara ini (Utusan Online, 19 April 2017).

### *Jenayah Buli Siber*

Antara contoh kes yang melibatkan belia menjadi mangsa media baharu ialah kes jenayah buli siber. Berdasarkan kajian Stop Cyberbullying 2017 yang dilakukan di bawah program *Digi CyberSAFE*, sekurang-kurangnya satu dari dua belia mengakui telah mengalami pembulian siber di Malaysia. Demikian merupakan kenyataan oleh Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye (Sinar Harian, 18 Jun 2017).

Selain itu, *CyberSecurity* Malaysia telah mengeluarkan statistik yang menunjukkan kes buli siber dalam kalangan pelajar berlaku hampir saban hari dengan 250 kes dilaporkan pada tahun 2012 manakala pada tahun 2013 terdapat 389 kes; 2014 (291 kes); 2015 (256 kes) dan 2016 (338 kes). Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), kes jenayah buli siber akan berlaku peningkatan sekiranya filem-filem berunsur ganas dalam internet masih tiada sekatan (Sinar Harian, 18 Jun 2017).

## UNDANG-UNDANG MEDIA BAHARU DI MALAYSIA

Undang-undang bertujuan memelihara keamanan serta kesejahteraan penduduknya, tanpa mengira lapisan masyarakat. Begitu juga dengan negara kita, Malaysia. Selain Perlembagaan Persekutuan yang menjadi rujukan dan panduan utama, terdapat akta, enakmen dan ordinans yang turut mengawal selia kelakuan atau perbuatan anggota masyarakat dalam segenap aspek.

Sungguhpun begitu, tidak dinafikan dalam era teknologi kini, untuk mengimbangi antara kawalan dan kebebasan media bukanlah suatu perkara yang mudah meskipun bagi negara demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan seperti Malaysia. Dalam kepesatan media baharu, khususnya media sosial, masih wujud beberapa sekatan yang perlu dipatuhi meskipun wujud hak kebebasan bersuara sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Wan Amizah & Muhammad, 2017).

Antara undang-undang yang berkaitan dengan media baharu ialah Akta Tandatangani Digital 1997, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hakcipta (Pindaan) 1997, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta Fitnah 1957 dan yang terkini Akta Antiberita Tidak Benar 2018.

### *Akta Tandatangani Digital 1997*

Asiah Bidin (2015) dalam kajian beliau menyatakan bahawa Akta Tandatangani Digital 1997 (DSA, 1997) ialah antara akta yang digunakan bagi menangani isu-isu perundangan yang khusus terhadap jenayah siber. Menurut Ding (1999), Akta Tandatangani Digital 1997 ialah akta yang memelihara keselamatan dan memberi jaminan kepada pihak yang menggunakan transaksi secara elektronik. Perihal mengenai perantara sebagai pihak berkuasa pemerakuan dan pengiktirafan menurut undang-undang turut tersedia dalam akta ini.

Selain itu, menurut SKMM (2018), akta ini sangat memberi kemudahan kepada e-perniagaan dan aktiviti e-dagang dengan menggunakan tandatangan digital daripada satu tandatangan tulisan tangan secara konvensional dalam transaksi perdagangan dan sah.

Kawal Selia Tandatangan Digital 1998 juga menyatakan skim pelesenan wajib untuk CA (menjadi pengeluar sijil digital), repositori yang diiktiraf dan perkhidmatan penanda tarikh/ masa diiktiraf.

Seperti yang telah dijelaskan, akta ini merupakan antara undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan siber dan media baharu. Oleh yang demikian, seiring dengan kepesatan dan perkembangan media sosial pada hari ini, maka akta yang mengawalinya perlu dikaji semula. Demikian merupakan pandangan mantan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari. Menurut beliau lagi, sudah tiba masanya akta tersebut dikaji semula memandangkan ianya telah digunakan kira-kira 20 tahun lalu untuk memastikan kerelevanan akta tersebut dengan fenomena siber pada hari ini, yakni beberapa penambahbaikan perlu dilakukan (Harian Metro, 8 Februari 2017).

#### *Akta Jenayah Komputer 1997*

Akta Jenayah Komputer Malaysia 1997 telah diluluskan di Parlimen pada bulan Mac 1997 dan dikuatkuasakan pada 30 Jun 2000. Segala peraturan yang mempunyai kaitan dengan penyalahgunaan komputer termaktub di dalam akta tersebut. Akta ini terbentuk berasaskan kepada Akta Penyalahgunaan Komputer United Kingdom 1990 dengan beberapa pengubahsuaian dilakukan. Menurut Zaiton (2004), sebahagian besar peruntukan dalam akta ini adalah mengenai jenayah yang melibatkan akses atau capaian tanpa kuasa atau yang menyalahi undang-undang kepada data dalam komputer dan penyalahgunaannya. Menurut Asiah Bidin (2015) dalam kajian beliau yang bertajuk 'Intipan Siber: Jenayah Baru Dalam Masyarakat Kontemporari', Akta Jenayah Komputer merupakan antara akta yang berkaitan dengan undang-undang siber.

#### *Akta Komunikasi dan Multimedia 1998*

Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 merupakan antara akta yang mengawal selia industri komunikasi dan multimedia di Malaysia. Akta tersebut diletakkan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Selain itu, akta tersebut juga digubal seiring dengan keperluan kepada kawalan undang-undang terhadap kepesatan multimedia dan komunikasi yang semakin maju saban hari (SKMM, 2018).

Menurut mantan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani, sebanyak 5,044 laman web telah disekat oleh SKMM yang melibatkan pelbagai kesalahan yang melanggar Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Jumlah kes tersebut dicatatkan sejak 2015 sehingga Oktober lalu. Menurut beliau lagi, daripada keseluruhan jumlah kes tersebut, sebanyak 4,277 kes melibatkan laman web lucah, jelik dan mengancam keselamatan manakala baki 767 kes lagi berkaitan isu perjudian, pelakuran serta cetak rompak (Utusan Malaysia, 19 April 2017).

#### *Akta Perlindungan Data Peribadi 2010*

Selepas Rang Undang-undang berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) iaitu Akta 709 diluluskan oleh parlimen, sebuah jabatan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) iaitu Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) ditubuhkan. Penubuhan Jabatan tersebut ialah pada 16 Mei 2011. Antara fungsi utama jabatan tersebut

adalah memelihara dan mengawal pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urusan niaga komersial agar tiada sebarang penyalahgunaan dilakukan oleh mana-mana pihak (KKMM, 2018).

Menurut Datuk Seri Dr Rais Yatim, bagi memelihara keutuhan data peribadi, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 mempunyai tujuh prinsip ulung yang wajib dipatuhi. Prinsip-prinsip tersebut ialah prinsip am, notis dan pilihan, penzahiran, keselamatan, penyimpanan, integriti data dan akses (Sinar Harian, 9 Februari 2012).

Selain itu, menurut Pesuruhjaya JPDP, Abu Hassan Ismail, akta itu juga diwujudkan bagi membolehkan orang ramai atau pemilik data berurusan dengan mana-mana organisasi dengan penuh yakin di samping menjadi penanda aras untuk pihak luar melabur dalam negara ini tanpa ragu-ragu mengenai kerahsiaan data peribadi mereka. Oleh yang demikian, sekiranya masih berlaku penyalahgunaan, pelaku akan disabitkan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun bagi kesalahan memproses data peribadi tanpa perakuan pendaftaran atau selepas pendaftaran dibatalkan (Kosmo, 8 Disember 2013).

#### *Akta Fitnah 1957*

Kajian mengenai Akta Fitnah 1957 ada disentuh secara umum oleh Abdul Basir (2007) dalam kajian beliau yang bertajuk 'Fitnah Melalui Internet dan Telekomunikasi Menurut Undang-Undang Ciptaan dan Undang-Undang Islam'. Selain itu, Rusyda dan Suhaimee (2012) turut merujuk Akta Fitnah 1957 di samping dua akta dan dokumen lain iaitu Perlembagaan Persekutuan dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 untuk mengenal pasti akta manakah yang menyebut dan menyentuh secara khusus dan mendalam tentang kesalahan dan hukuman terhadap pesalah-pesalah yang terbabit dalam fitnah siber dalam kajian beliau yang bertajuk 'Fitnah Siber: Satu Tinjauan Dari Sudut Islam, Perlembagaan dan Undang-Undang'.

Seperti yang umum ketahui, pengamal media cenderung untuk disabitkan di bawah akta ini sekiranya menerbitkan sebarang laporan yang berunsur fitnah dan berupaya mengakibatkan reputasi mana-mana pihak terjejas akibat pelaporan itu. Sehubungan dengan itu, mantan peguam negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali berkata, pengamal media perlulah sentiasa berhati-hati daripada menerbitkan sebarang bentuk tulisan yang mempunyai kecenderungan menghasut yang boleh menggugat keharmonian (Anon, 2016).

Dalam erti kata yang lain, kebebasan bercakap dan bersuara dalam kalangan pengamal media di negara ini mahupun setiap individu bukanlah bersifat mutlak, sebaliknya masih tertakluk dan terikat dengan beberapa sekatan perundangan.

#### *Akta Antiberita Tidak Benar 2018*

Antara akta terkini yang berkaitan dengan media baharu ialah Akta Antiberita Tidak Benar 2018. Secara umumnya, akta tersebut berperanan mencegah dan membendung sebarang berita palsu yang dilaporkan. Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang meluluskan undang-undang khusus yang memfokus kepada individu dan organisasi yang menyebarkan berita palsu. Akta tersebut telah diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 9 April, manakala 11 April ialah tarikh permulaan akta itu (Malaysia Kini, 11 April 2018).



Menurut akta tersebut, “berita tidak benar” termasuklah apa-apa berita, maklumat, data dan laporan yang bahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu, sama ada dalam bentuk rencana, visual atau rakaman audio atau dalam apa-apa bentuk lain yang boleh menggambarkan perkataan atau idea. Manakala, kesalahan yang termaktub di bawah Seksyen 4 Akta 803 ialah mengadakan, menawarkan, menerbitkan, dan sebagainya, berita tidak benar atau penerbitan yang mengandungi berita tidak benar (Sinar Harian, 11 April 2018).

Seperti yang telah dijelaskan, akta tersebut bertujuan antaranya untuk menyekat sebarang penyebaran berita palsu dalam kalangan masyarakat. Sungguhpun begitu, para pengamal media dalam dan luar negara telah mengecam pewartaan akta tersebut dengan mendakwa ini sebagai langkah kerajaan menyekat kebebasan media dan bersuara. Akan tetapi, Datuk Seri Azalina Othman Said yang membentangkan Rang Undang-undang itu tetap bertegas bahawa keperluan wujudnya undang-undang tersebut untuk membasmi masalah berita palsu (Malaysia Kini, 11 April 2018).

Kewujudan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 jelas selari dengan perkembangan era teknologi yang semakin pesat. Hal ini demikian kerana, akses kepada internet dan media sosial yang begitu mudah membolehkan individu yang tidak bertanggungjawab menyebarkan sebarang berita palsu sewenang-wenangnya. Oleh itu, akta tersebut yang mengandungi 14 seksyen ialah satu kawal selia yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, selepas hanya empat bulan diwartakan, Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dimansuhkan oleh Parlimen Malaysia pada 16 Ogos 2018.

## METODOLOGI

Pengkaji telah menjalankan soal selidik dalam mengumpul data yang diperlukan. Soal selidik diedarkan kepada dua kumpulan responden. Yang pertama, terdiri daripada belia di seluruh Malaysia dan mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kumpulan responden yang kedua pula terdiri daripada mahasiswa di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak. Kaedah ini dijalankan agar hasil dapatan kajian diperoleh secara tepat melalui respons jawapan daripada kepelbagaian responden yang terlibat dalam soal selidik ini.

### *Profil Responden*

Bagi kumpulan responden yang pertama, seramai 227 responden yang terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada golongan belia dan mahasiswa UKM. Manakala, bagi responden kumpulan kedua iaitu mahasiswa di Politeknik Ungku Omar, seramai 80 responden yang terlibat menjadikan jumlah keseluruhan responden dalam kajian ini ialah 307 responden.

Responden dipilih daripada golongan remaja dan belia berumur antara 18 hingga 35 tahun. Majoriti responden adalah mahasiswa diikuti oleh pekerja swasta dan kakitangan kerajaan. Tahap pendidikan pula didahului oleh mahasiswa yang sedang mengikuti program Sarjana Muda, Diploma, Sijil Pelajaran Malaysia, Sarjana dan Doktor Falsafah. Fakulti pula didahului oleh Fakulti Sains Teknologi, Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Teknologi Dan Sains Maklumat, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Kejuruteraan Alam Bina. Manakala di Politeknik Ungku Omar, Jabatan didahului oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik.

*Tahap Literasi Perundangan Media Baharu*

Jadual 1: Responden yang bersetuju dengan pernyataan item

Item	Pernyataan	Kumpulan 1 (227 responden) (setuju %)	Kumpulan 2 (80 responden) (Setuju %)
1	Saya mengetahui dan memahami istilah media baharu'	59.03	80
2	Saya mengetahui bahawa media baharu turut dikenali sebagai media sosial.	76.65	80
3	Saya mengetahui bahawa program televisyen, filem, majalah, buku dan surat khabar tidak termasuk dalam kategori media baharu.	44.93	55
4	Saya menyedari kewujudan undang-undang berkaitan media baharu.	61.67	76.25
5	Saya memahami undang-undang berkaitan media baharu.	36.56	46.25
6	Saya mengetahui bahawa saya boleh didakwa sekiranya melakukan kesalahan atau jenayah siber.	87.67	93.75
7	Saya mengetahui bahawa Akta Tandatangan Digital 1997, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, dan Akta Fitnah 1957 ialah antara undang-undang berkaitan media baharu.	42.29	50
8	Saya mengetahui bahawa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 ialah undang-undang terkini yang berkaitan dengan media baharu.	35.24	43.75
9	Saya mengetahui bahawa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 memperuntukkan denda maksimum RM 500,000 dan penjara sehingga enam tahun.	19.39	27.5
10	Saya mengetahui bahawa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 turut didakwa menyekat kebebasan media dan bersuara. Item ini bertujuan untuk menilai adakah belia mengetahui dakwaan bahawa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 menyekat kebebasan media dan bersuara.	24.67	33.75%

Jadual 1 menunjukkan tahap literasi perundangan media baharu dalam kalangan belia. Item di atas telah dibahagikan kepada 3 tema iaitu Tema 1: Kefahaman Berkaitan Media Baharu Secara Umum (Item 1-6) dan Tema 2: Pengetahuan Senarai Undang-undang Mengenai Media Baharu, (Item 7) dan Tema 3: Pengetahuan Berkaitan Akta Media Baharu (Item 8-10). Analisis lengkap item-item tersebut adalah seperti berikut :

**Tema 1: Kefahaman Berkaitan Media Baharu Secara Umum**

a) Item 1 : 'Saya mengetahui dan memahami istilah media baharu'  
Bagi Kumpulan 1, seramai 134 responden (59.03%) bersetuju dengan kenyataan berikut, manakala 11 responden (4.85%) menjawab sebaliknya. Baki 82 responden (36.12%) memilih

tidak pasti bagi kenyataan pertama ini. Demikian merupakan hasil jawapan bagi kumpulan pertama.

Manakala kumpulan kedua pula, majoriti 64 responden (80%) mengetahui dan memahami istilah media baharu, manakala 15 responden (18.75%) menjawab tidak pasti bagi kenyataan ini. Selebihnya seorang responden (1.25%) mengakui tidak mengetahui dan memahami istilah media baharu.

b) Item 2: "Saya mengetahui bahawa media baharu turut dikenali sebagai media sosial" Item ini bertujuan menilai tahap pengetahuan belia adakah mereka mengetahui bahawa media baharu turut dikenali sebagai media sosial. Bagi kumpulan 1, sebanyak 76.65% (174 responden) memilih bersetuju dengan kenyataan berikut. Manakala, 20.26% (46 responden) memilih tidak pasti dan selebihnya 3.09% (7 responden) mengakui tidak mengetahui bahawa media baharu turut dikenali sebagai media sosial.

Bagi kumpulan kedua pula, majoriti belia iaitu seramai 80% (64 responden) bersetuju bahawa mereka mengetahui media baharu turut dikenali sebagai media sosial. Selebihnya 20% (16 responden) tidak pasti bahawa media baharu turut dikenali sebagai media sosial.

c) Item 3: "Saya mengetahui bahawa program televisyen, filem, majalah, buku dan surat khabar tidak termasuk dalam kategori media baharu"

Item ini bertujuan mengenalpasti pengetahuan belia berkaitan senarai kategori media baharu. Bagi kumpulan pertama, seramai 102 responden (44.93%) bersetuju dengan kenyataan yang diberikan, manakala 27 responden (11.90%) mengakui tidak mengetahui senarai kategori tersebut. Skala 'tidak pasti' mencatatkan responden yang tidak kurang tingginya iaitu seramai 98 responden (43.17%) memilih tidak pasti akan senarai kategori yang diberikan.

Bagi kumpulan kedua pula, skala tertinggi dimulai dengan responden yang memilih setuju dengan kenyataan tersebut, iaitu seramai 44 responden (55%), diikuti responden yang menjawab tidak pasti, iaitu seramai 31 responden (38.75%), diakhiri dengan 5 orang responden (6.25%) mengakui tidak mengetahui senarai kategori tersebut.

d) Item 4: "Saya menyedari kewujudan undang-undang berkaitan media baharu" Item ini pula bertujuan menilai adakah belia menyedari akan kewujudan undang-undang berkaitan media baharu ini. Bagi kumpulan pertama, 61.67% (140 responden) belia bersetuju bahawa mereka menyedari akan hal tersebut, diikuti dengan 33.92% (77 responden) belia menjawab tidak pasti. Baki 4.41% (10 responden) mengakui tidak menyedari bahawa wujudnya undang-undang berkaitan media baharu.

Manakala, bagi kumpulan kedua pula, 76.25% (61 responden) menyedari kewujudan undang-undang berkaitan media baharu, selebihnya 23.75% (19 responden) mengakui tidak menyedari kewujudan undang-undang tersebut.

e) Item 5: "Saya memahami undang-undang berkaitan media baharu".

Bagi item ini pula, ia bertujuan menilai tahap kefahaman belia mengenai undang-undang berkaitan media baharu secara umum. Kumpulan pertama mencatatkan jumlah responden tertinggi iaitu 121 responden (53.30%) menjawab tidak pasti, yakni tidak pasti mengenai

undang-undang berkaitan media baharu. Manakala, 83 responden (36.56%) menjawab mereka memahami undang-undang tersebut, selebihnya 23 responden (10.14%) mengakui tidak memahami mengenai undang-undang berkaitan media baharu yang wujud.

Bagi kumpulan kedua, jumlah responden tertinggi juga dalam kalangan belia yang menjawab tidak pasti iaitu seramai 41 responden (51.25%), diikuti 37 responden (46.25%) yang menjawab mereka memahami undang-undang tersebut dan selebihnya 2 responden (2.55%) mengakui tidak.

f) Item 6: " Saya mengetahui bahawa saya boleh didakwa sekiranya melakukan kesalahan atau jenayah siber"

Item ini pula bertujuan menilai adakah para belia mengetahui bahawa mereka boleh didakwa sekiranya melakukan kesalahan atau jenayah siber. Kumpulan pertama mencatatkan 87.67% (199 responden) belia menyedari hal demikian, manakala 11.01% (25 responden) menjawab tidak pasti akan hal tersebut. Baki 1.32% (3 responden) mengakui bahawa mereka tidak mengetahui bahawa mereka boleh didakwa sekiranya melakukan kesalahan atau jenayah siber.

Bagi kumpulan kedua pula, sebanyak 93.75% (75 responden) bersetuju dengan kenyataan tersebut, diikuti 5% responden (4 responden) menjawab tidak pasti dan selebihnya 1.25% (1 responden) mengakui tidak mengetahui.

## ***Tema 2: Pengetahuan Senarai Undang-undang Berkaitan Media Baharu***

a) Item 7: "Saya mengetahui bahawa Akta Tandatangan Digital 1997, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, dan Akta Fitnah 1957 ialah antara undang- undang berkaitan media baharu".

Tema ini pula bertujuan menilai pengetahuan belia mengenai undang-undang berkaitan media baharu seperti Akta Tandatangan Digital 1997, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, dan Akta Fitnah 1957.

Bagi kumpulan pertama, majoriti 111 responden (48.9%) menjawab tidak pasti adakah senarai tersebut merupakan undang-undang berkaitan media baharu atau sebaliknya. Manakala, seramai 96 responden (42.29%) bersetuju dengan kenyataan tersebut, selebihnya 20 responden (8.81%) tidak mengetahui bahawa senarai tersebut merupakan antara undang-undang berkaitan media baharu.

Bagi kumpulan kedua pula, seramai 40 responden (50%) mengakui bahawa mereka mengetahui undang-undang yang disenaraikan merupakan antara undang-undang berkaitan media baharu. Manakala, seramai 36 (45%) tidak pasti dengan kenyataan tersebut, dan baki 4 responden (5%) mengakui tidak mengetahui.

**Tema 3: Pengetahuan Berkaitan Akta Media Baharu Terkini**

- a) Item 8: “Saya mengetahui bahawa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 ialah undang-undang terkini yang berkaitan dengan media baharu”

Item ini bertujuan menilai adakah belia mengetahui bahawa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 ialah undang-undang terkini yang berkaitan dengan media baharu.

Bagi kumpulan pertama, belia menjawab tidak pasti dengan kadar peratusan sebanyak 55.95% (127 responden). Manakala sebanyak 35.24% (80 responden) menjawab mengetahui akan akta tersebut dan selebihnya 8.81% (20 responden) mengakui tidak mengetahui bahawa akta tersebut merupakan undang-undang terkini yang berkaitan dengan media baharu.

Bagi kumpulan kedua pula, majoriti belia juga menjawab tidak pasti dengan peratusan sebanyak 52.5% (42 responden) manakala 43.75% (35 responden) belia pula menjawab mengetahui akan akta tersebut dan selebihnya 3.75% (3 responden) mengakui tidak mengetahui tujuan akta tersebut.

- b) Item 9: “Saya mengetahui bahawa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 memperuntukkan denda maksimum RM 500,000 dan penjara sehingga enam tahun”. Item kali ini pula untuk menilai tahap pengetahuan belia secara lebih mendalam mengenai Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dengan menyebut peruntukan bagi akta tersebut.

Bagi kumpulan pertama, majoriti belia masih menjawab tidak pasti dengan kenyataan tersebut iaitu seramai 158 responden (69.60%) diikuti hanya 44 responden (19.39%) menjawab mereka mengetahui akan peruntukan tersebut dan selebihnya 25 responden (11.01%) mengakui tidak mengetahui peruntukan bagi Akta Antiberita Tidak Benar 2018.

Manakala, bagi kumpulan kedua pula, para belia masih menjawab tidak pasti dengan majoriti 50 responden (62.5%), diikuti hanya 22 responden (27.5%) menjawab mereka mengetahui peruntukan tersebut dan baki 8 responden (10%) memilih sebaliknya.

- c) Item 10: “Saya mengetahui bahawa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 turut didakwa menyekat kebebasan media dan bersuara”.

Item ini bertujuan menilai adakah belia mengetahui dakwaan bahawa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 menyekat kebebasan media dan bersuara.

Bagi kumpulan pertama sebanyak 64.32% (146 responden) menjawab tidak pasti mengenai dakwaan ini. Selebihnya sebanyak 24.67% (56 responden) mengetahui dakwaan ini dan baki 11.01% (5 responden) mengaku tidak mengetahui tentang wujudnya dakwaan ini. Bagi kumpulan kedua pula, majoriti responden masih menjawab tidak pasti iaitu sebanyak 60% (48 responden) diikuti 33.75% (27 responden) memilih bersetuju dengan kenyataan item tersebut dan baki 6.25% (5 responden) menjawab tidak mengetahui mengenai dakwaan tersebut.

## HASIL ANALISIS

Hasil analisis mendapati bagi tema pertama, majoriti belia mempunyai pengetahuan yang baik mengenai konsep media baharu. Dalam erti kata yang lain, belia mempunyai tahap literasi yang tinggi mengenai istilah media baharu, jenis-jenis media, pengetahuan mengenai kewujudan undang-undang berkaitan media baharu. Akan tetapi, bagi aspek pemahaman undang-undang berkaitan media baharu seperti yang terkandung di dalam Item 5, tahap literasi belia masih berada di tahap yang sederhana. Majoriti responden masih berada di tahap 'tidak pasti' mengenai kefahaman perundangan media baharu.

Bagi tema kedua pula, iaitu pengetahuan mengenai senarai undang-undang berkaitan media baharu, tahap pengetahuan belia masih berada di tahap yang sederhana. Hal ini kerana hasil analisis menunjukkan jumlah responden yang mengetahui serta responden yang menjawab tidak pasti tidak menunjukkan jurang perbezaan yang besar. Dalam erti kata yang lain, jumlah responden yang tidak pasti akan senarai undang-undang tersebut juga mencatatkan rekod yang tinggi.

Manakala, bagi item ketiga pula, iaitu pengetahuan berkaitan Akta Antiberita Tidak Benar 2018, majoriti responden daripada kedua-dua kumpulan mengakui tidak mengetahui akan hal tersebut. Majoriti belia mengakui bahawa mereka tidak mengetahui bahawa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 ini merupakan akta terkini berkaitan dengan media baharu di samping turut mengakui tidak mengetahui peruntukan akta tersebut.

## KESIMPULAN

Usaha ke arah penambahbaikan literasi perundangan media baharu dalam kalangan belia dan mahasiswa perlu dipergiatkan antaranya melalui pendidikan. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungunya. Begitu juga dengan pendedahan literasi perundangan media baharu dari peringkat awal iaitu sekurang-kurangnya di peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Antara penambahbaikan yang boleh digunakan ialah dengan menjadikan perundangan media baharu sebagai suatu subjek atau silibus khas di samping menjadikannya sebagai subjek dalam kurikulum sekolah dan institusi pengajian tinggi. Selain itu, peranan utama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sebagai pengawal selia industri telekomunikasi dan multimedia berdasarkan kuasa-kuasa yang diberi menurut Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (1998) dan Akta Komunikasi dan Multimedia (1998) perlu diperkukuhkan selaras dengan keperluan terkini global. Sungguhpun begitu, memandangkan suruhanjaya tersebut telah banyak mengendalikan kes-kes berkaitan media baharu sama ada melibatkan penyalahgunaan atau sebagainya, maka suruhanjaya tersebut perlulah mempergiatkan lagi kempen atau aktiviti mengenai perundangan media baharu yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat. Program sedemikian bukan sahaja dapat mengurangkan serta menangani masalah penggunaan media baharu dalam kalangan masyarakat bahkan turut memberi ilmu serta pendedahan kepada masyarakat sekiranya mereka terlibat sebagai mangsa dalam sebarang jenis penipuan melalui media sosial.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan DCP-2017-013/4.

#### BIODATA

*Ruzian Markom* merupakan Profesor Madya di Pusat Governan dan Pengurusan Harta, Fakulti Undang-undang, UKM. Bidang kajian beliau ialah undang-undang kewangan Islam dan literasi perundangan media baharu. Emel: ruzian@ukm.edu.my

*Zinatul Ashiqin Zainol* merupakan Profesor di Pusat Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan Awam, Fakulti Undang-undang, UKM. Bidang kepakaran beliau adalah undang-undang hak cipta, keselamatan dan kesihatan awam. Emel: shiqin@ukm.edu.my

*Nurhidayah Ahmad Fuad* merupakan pelajar Sarjana Penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam UKM. Beliau juga bertugas sebagai Pembantu Penyelidik untuk Projek Penyelidikan DCP-2017-013/4. Emel: nur\_hidayah1304@yahoo.com

#### RUJUKAN

- Abdul Basir bin Mohamad. (2007). *Fitnah melalui Internet dan telekomunikasi menurut undang-undang ciptaan dan undang-undang Islam*. Diperoleh pada April 13, 2019, dari <https://sssums.files.wordpress.com/2007/11/fitnah-melalui-internet-dan-telekomunikasi-menurutundang-undang-ciptaan-dan-undang-undang-islam.pdf>
- Ali Salman, & Siti Minanda Pulungan. (2017). Pendedahan diri, motivasi dan kepuasan penggunaan Facebook dalam menjalin persahabatan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 438-459.
- Anon. (2012, Februari 9). 7 prinsip dalam akta perlindungan data peribadi. *Sinar Harian*. Diperoleh pada April 13, 2019, dari <http://www.sinarharian.com.my/nasional/7-prinsip-dalam-akta-perindungan-data-peribadi-1.22780>
- Anon. (2016, April 26). Pengamal media boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Fitnah 1957. *Free Malaysia Today*. Diperoleh pada April 13, 2019, dari <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/04/26/pengamal-media-boleh-dikenakan-tindakan-mengikut-akta-fitnah-1957/>
- Anon. (2017). Pengurusan risiko media sosial. *Slaid*. Selangor: Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia.
- Anon. (2017, Jun 18). SKMM jangka kes jenayah buli siber meningkat tahun ini. *Sinar Harian*. Diperoleh pada April 13, 2019, dari <http://www.sinarharian.com.my/semasa/skmm-jangka-jenayah-buli-siber-meningkat-tahun-ini-1.691429>
- Anon. (2017, Februari 8). Akta tandatangan digital 1997 perlu dikaji semula. *Harian Metro*. Diperoleh pada April 13, 2019, dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/02/204176/akta-tandatangan-digital-1997-perlu-dikaji-semula>
- Anon. (2018, April 11). Akta antiberita palsu pertama di dunia terpakai menjelang PRU14. *Malaysia Kini*. Diperoleh pada dari <https://www.malaysiakini.com/news/419416>
- Anon. (2018, April 11). Akta Antiberita Tidak Benar 2018 diwartakan. *Sinar Harian*. Diperoleh pada April 2, 2019, dari <http://www.sinarharian.com.my/nasional/akta-antiberita-tidak-benar-2018-diwartakan-1.821158>
- Asiah Bidin, Shariffah Nuridah Aishah Syed Nong Mohamad, & Akmal Mohamad. (2015). Intipan siber: Jenayah baru dalam masyarakat kontemporari. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 11(1), 12-25.
- Azarudin Awang. (2015). Pengaruh media dalam dialog kehidupan: Perspektif pengalaman saudara baru. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 47-60.
- Che Su binti Mustaffa, & Nan Zakiah Megat Ibrahim. (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa: Satu analisis kualitatif. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 30(Special Issue), 43-74.
- Ding, J. (1999). *E-Commerce: Law & practice*. Malaysia: Sweet & Maxwell Asia.
- Faradillah Iqmar Omar, & Iza Sharina Sallehuddin. 2011. Media sosial: kajian tentang penglibatan dan kepuasan dalam kalangan mahasiswa. *Proceeding of the International Conference on Media And Communication 2011* (hlm. 1-13).
- Kadir Arifin, Jamaluddin Md. Jahi, Abu Bakar Che Man, Ismail Bahari, & Abd Rahim Md Nor. (2003). Pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OHSAS 18001: 1999) di Malaysia: Isu dan cabaran. *Prosiding Pengurusan Persekitaran 2003* (hlm. 107-115).



- Kamaruzzaman Ismail. (2014). *Kebaikan dan keburukan laman sosial*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kor Sipa Kali ke-3. Anjuran Universiti Malaysia Perlis. Perlis, 21-23 November.
- Kaplan, A. M., & Haenlein, M. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media. *Business Horizons*, 53(1), 59-68.
- Kee Man Chuah. (2013). Aplikasi media sosial dalam pembelajaran Bahasa Inggeris: Persepsi pelajar universiti. *Issues in Language Studies*, 2(1), 56-63.
- Kickbusch, I., Pelikan, J. M., Apfel, F., & Tsouros, A. D. (Eds.). (2013). *Health literacy: The solid facts*. Denmark: World Health Organization (WHO).
- Kim, J. (2001). Financial knowledge and subjective and objective financial wellbeing. *Consumer Interests Annual*, 47(1), 1-3.
- Lenhart, A., Purcell, K., Smith, A., & Zickuhr, K. (2010). Social media and young adults. *Pew Internet & American Life Research Center*. Diperoleh dari <http://www.socialcapitalgateway.org>
- Mirhosseini, S-A. (Ed.). (2017). *Reflections on qualitative research in language and literacy education*. Switzerland: Springer Nature.
- Mohammad Rezal Hamzah, Emma Mohamad, & Mohd Yusof Abdullah. (2016). Pengaruh literasi kesihatan terhadap tingkah laku pencarian maklumat kesihatan dalam kalangan pelajar universiti awam. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 405-424.
- Mohd Hamdan Adnan & Ong Siew Chin. (2015). Tabii pelajar institut pengajian tinggi Malaysia memuat turun bahan Internet & implikasi perundangannya. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 4(1), 1-19.
- Muhammad Adnan Pitchan & Siti Zobidah Omar. (2019). Dasar keselamatan siber Malaysia: Tinjauan terhadap kesedaran netizen dan undang-undang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(1), 103-119.
- Mohd Roslan. (2014, Mei 26). KPDNKK tahan remaja 18 tahun muat turun muzik tanpa kebenaran. *Utusan Online*. Diperoleh dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20140527/je\\_02/KPDNKK-tahan-remaja-18-tahun-muat-turun-muzik-tanpa-kebenaran](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20140527/je_02/KPDNKK-tahan-remaja-18-tahun-muat-turun-muzik-tanpa-kebenaran)
- Mohd Hafiz Ismail. (2019). UiTM siasat data pelajar bocor, NC sahkan sistem maklumat tidak digodam. Diperoleh dari <https://kampusuols.com/article/424228/U-In-News/SEL-KL/UiTM-siasat-data-pelajar-bocor-NC-sahkan-sistem-maklumat-tidak-digodam>
- Nazurah Qurratu'aini Mahat. (2017, April 26). Golongan muda banyak buang masa layari Internet. *Berita Harian*. Diperoleh dari <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian5831/20170426/281994672379098>
- Noor Azizah Shaari, Nurfadhilah Abu Hasan, Ramesh Kumar Moona Haji Mohamed & Mior Ahmad Jafri Md Sabri. (2013). Financial literacy: A study among the university students. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 5(2), 279-299.
- Nor Aslamiah Ali. (2012). Laman media sosial: Trend komunikasi masa kini. *Dimensi KOOP Januari*, 46-51.

- Nutbeam, D. (2000). Health literacy as a public health goal: A challenge for contemporary health education and communication strategies into the 21st century. *Health Promotion International*, 15(3), 259-267.
- Rusyda Helma Mohd & Suhaimee Saahar. (2012). Fitnah siber: Satu tinjauan dari sudut Islam, perlembagaan dan undang-undang. *Legal Network Series*, 1(1).
- Siti Ezaleila Mustafa. (2016). Penggunaan laman sosial dan impaknya terhadap hubungan persahabatan dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 65-81.
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. (2011). Jaringan sosial dalam talian sebagai "tempat ketiga": Trend penggunaannya di Malaysia. *Prosiding MENTION 2011* (hlm. 1-18).
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. (2011). Media baharu yang baharu: Trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 93-110.
- Siti Kamilah Mustapha. (2013, Disember 8). Akta 709 melindungi data peribadi individu. *Kosmo*. Diperoleh pada April 13, 2019, dari [http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=1208&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_05.htm](http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=1208&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_05.htm)
- Sorensen, K., Van Den Broucke, S., Brand, H., Fullam, J., Doyle, G., Pelikan, J., & Slonszka, Z. (2012). Health literacy and public health: A systematic review and integration of definitions and models. *BMC Public Health*, 1(80).
- Sofian Baharom. (2017, April 19). Belia habiskan empat jam sehari layari media sosial. *Utusan Online*. Diperoleh pada April 13, 2019, dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/belia-habiskan-empat-jam-sehari-layari-media-sosial-1.471183>
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)*. (2018). Internet Users Survey 2018. Diperoleh dari <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018.pdf>
- Van Dijk, J. (2006). *The network society: Social aspects of new media*. London: Sage.
- Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Pitchan. (2017). Media baharu dan institusi raja di Malaysia: Kes penghinaan raja-raja di media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 406-422.
- Watie, E. D. S. (2011). Komunikasi dan media sosial. *The Messenger*, 3(1), 69-75.
- Yasmin Huzaimah Aladdin & Anuar Ahmad. (2017). *Tahap literasi kewangan di kalangan mahasiswa*. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa mengenai Pendidikan Global "Pendidikan Global, Kekayaan Umum, dan Kepelbagaian Budaya". Anjuran Universitas Ekasakti. Padang, 10 – 11 April.
- Zaiton Hamim. (2004). The legal response to computer misuse in Malaysia: The computer crimes act 1997. *UiTM Law Review*, 210-234.
- Zulkifli Hassan. (2008). *Memfaatkan media sosial untuk dakwah*. Diperoleh dari <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/05/friday-khutbah-usim.pdf>